BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 09/17/08

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 29 September 2017

SOROTAN BULANAN – OGOS 2017

Inflasi meningkat pada bulan Ogos

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.7% (Julai: 3.2%) didorong terutamanya oleh harga minyak dunia yang lebih tinggi berikutan gangguan bekalan di Amerika Syarikat (AS) akibat Taufan Harvey. Harga minyak dunia yang terus meningkat akan mempengaruhi inflasi keseluruhan pada bulan September.
- Namun begitu, inflasi asas seperti yang diukur oleh inflasi teras turun kepada 2.4% (Julai: 2.6%) disebabkan oleh luputnya kesan beberapa pelarasan harga yang dibuat pada tahun lepas.

Pasaran kewangan disokong oleh pertumbuhan KDNK suku kedua yang kukuh

- Pada bulan Ogos, pasaran kewangan domestik disokong terutamanya oleh sentimen positif yang didorong faktor-faktor luar dan dalam negeri.
  - Pada peringkat global, kebimbangan terhadap inflasi yang lebih rendah di AS telah menyebabkan dolar AS secara keseluruhan menyusut nilai dan minat terhadap aset kewangan serantau meningkat, termasuk di Malaysia.
  - Pada peringkat dalam negeri, pertumbuhan KDNK dan pendapatan korporat suku kedua 2017 yang lebih baik daripada jangkaan turut menyokong sentimen yang positif itu.
- Para pelabur terus mengambil sikap berhati-hati berikutan peningkatan ketegangan geopolitik semasa.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan pada 6.6% pada bulan Ogos (Julai: 6.8%). Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat kepada 5.8% (Julai: 5.6%), manakala pertumbuhan terbitan terkumpul bersih bon korporat lebih sederhana pada 9.0% (Julai: 10.6%).
- Pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi didorong oleh sektor perniagaan (Ogos: 7.2%; Julai: 6.7%), dengan peningkatan dalam sektor *pembinaan*, dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*.

Eksport meningkat dengan pesat pada bulan Julai 2017

- Pertumbuhan eksport meningkat dengan pesat kepada 30.9% pada bulan Julai 2017 (Jun: 9.9%). Peningkatan ini didorong oleh eksport E&E, keluaran petroleum serta kimia dan keluaran kimia.
- Pertumbuhan eksport pada masa terdekat akan terus disokong oleh prospek pertumbuhan dunia yang menggalakkan.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

- Paras pinjaman terjejas kekal stabil pada 1.2% daripada jumlah pinjaman bersih selepas ditolak peruntukan jejas nilai individu.
- Bank-bank terus mempunyai penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kerugian kredit, dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman semasa pada 81.4%.

Bank Negara Malaysia
29 September 2017

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Ogos 2017

Inflasi meningkat pada bulan Ogos

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Inflasi keseluruhan meningkat kepada 3.7% (Julai: 3.2%) didorong terutamanya oleh harga minyak dunia yang lebih tinggi berikutan gangguan bekalan di Amerika Syarikat (AS) akibat Taufan Harvey. Harga minyak dunia yang terus meningkat akan mempengaruhi inflasi keseluruhan pada bulan September.
- Namun begitu, inflasi asas seperti yang diukur oleh inflasi teras turun kepada 2.4% (Julai: 2.6%) disebabkan oleh luputnya kesan beberapa pelarasan harga yang dibuat pada tahun lepas.

Pasaran kewangan disokong oleh pertumbuhan KDNK suku kedua yang kukuh

Prestasi Pasaran Kewangan pada Bulan Ogos



Sumber: Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia

- Pada bulan Ogos, pasaran kewangan domestik disokong terutamanya oleh sentimen positif yang didorong faktor-faktor luar dan dalam negeri.
  - Pada peringkat global, kebimbangan terhadap inflasi yang lebih rendah di AS telah menyebabkan dolar AS secara keseluruhan menyusut nilai dan minat terhadap aset kewangan serantau meningkat, termasuk di Malaysia.
  - Pada peringkat dalam negeri, pertumbuhan KDNK dan pendapatan korporat suku kedua 2017 yang lebih baik daripada jangkaan turut menyokong sentimen yang positif itu.
- Para pelabur terus mengambil sikap berhati-hati berikutan peningkatan ketegangan geopolitik semasa.

Pertumbuhan pembiayaan bersih terus menyokong aktiviti ekonomi

Pembiayaan Bersih Melalui Pinjaman Sistem Perbankan dan Bon Korporat



Sumber: Bank Negara Malaysia

- Pertumbuhan pembiayaan bersih mampan pada 6.6% pada bulan Ogos (Julai: 6.8%). Pinjaman terkumpul sistem perbankan meningkat kepada 5.8% (Julai: 5.6%), manakala pertumbuhan terbitan terkumpul bersih bon korporat lebih sederhana pada 9.0% (Julai: 10.6%).
- Pertumbuhan pinjaman yang lebih tinggi didorong oleh sektor perniagaan (Ogos: 7.2%; Julai: 6.7%), dengan peningkatan dalam sektor *pembinaan*, dan *kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan*.

Eksport meningkat dengan pesat pada bulan Julai 2017

Eksport Malaysia Mengikut Produk



Sumber, Jabatan Perangkaan Malaysia, MATRADE

- Pertumbuhan eksport meningkat dengan pesat kepada 30.9% pada bulan Julai 2017 (Jun: 9.9%). Peningkatan ini didorong oleh eksport E&E, keluaran petroleum serta kimia dan keluaran kimia.
- Pertumbuhan eksport pada masa terdekat akan terus disokong oleh prospek pertumbuhan dunia yang menggalakkan.

Kualiti aset sistem perbankan kekal kukuh

Sistem Perbankan: Kualiti Aset



*Merujuk nisbah individu campur peruntukan jejas nilai kolektif kepada jumlah pinjaman terjejas

Sumber: Bank Negara Malaysia

- Paras pinjaman terjejas kekal stabil pada 1.2% daripada jumlah pinjaman bersih selepas ditolak peruntukan jejas nilai individu.
- Bank-bank terus mempunyai penampan yang mencukupi untuk menghadapi kemungkinan kerugian kredit, dengan nisbah perlindungan kerugian pinjaman semasa pada 81.4%.